

LANG TENKUK KUNING
Imperial Eagle

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Aquila heliaca*

CIRI-CIRI

Individu dewasa mempunyai kepala dan paruh yang besar, supersilium, telinga, bahu dan leher kuning keemasan, tanda putih pada skapular atas, bulu pahat bawah ekor yang pudar dan ekor berwarna kekelabuan dengan hujung hitam. Individu juvenil kelihatan seperti individu meorfisme pudar Lang Bintik, *A.clanga*, dan Tawny Eagle, *A.rapax*, tetapi lebih besar, dengan jalur gelap pada bahu, leher, dada dan bulu pahat pada atas dan bawah sayap. Semasa terbang, bahagian bulu primer dalam yang berwarna kelabu pudar dapat dilihat. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 72-83 sm.

MAKANAN

Kebanyakannya adalah pemangsa dan ada juga yang memakan bangkai. Dietnya terdiri daripada mamalia, burung, reptilia, amfibia, ikan, ketam, moluska dan serangga.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan terbuka dan kawasan pertanian sehingga ke ketinggian 400 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi salakan *owk* yang berulang dan dalam.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.